

**Hamidah Pertahan Ketua Wanita Umno Bahagian Gopeng
Bernama
4 Sept, 2013**

KUALA LUMPUR, 4 Sept (Bernama) -- Ketua Penerangan Wanita Umno Datuk Hamidah Osman berkata beliau tidak akan bertanding jawatan Exco sayap itu pada pemilihan parti Oktober depan.

Sebaliknya, beliau akan mempertahankan jawatan Ketua Wanita Umno Bahagian Gopeng pada pemilihan kali ini.

Hamidah juga berkata beliau tidak akan mempertahankan jawatan Ketua Umno dan Ketua Wanita Cawangan Kampung Seri Indah, yang disandang sejak 30 tahun lepas, bagi memberi peluang kepada muka baharu memimpin cawangan berkenaan sekali gus menyediakan pemimpin pelapis parti.

"Ini adalah sebahagian proses untuk saya melepaskan jawatan di peringkat itu untuk memberi peluang kepada orang lain memimpin dan saya akan memberikan mereka tunjuk ajar supaya ketika saya melepaskannya, mereka bersedia mengambil alih jawatan berkenaan.

"Ini yang perlu ada pada setiap pemimpin parti dan memikirkan program peralihan kuasa. Saya selalu beritahu diri saya, dalam parti kita datang masa orang suka dan pergi sebelum orang benci," katanya kepada Bernama Selasa.

Hamidah berkata sesetengah pemimpin berasa kecewa apabila ditolak anggota parti dan merasakan mereka tidak lagi dihargai hanya kerana enggan melepaskan jawatan yang disandang sekian lama kepada orang lain.

"Kalau kita sayangkan parti dan kalau mahu parti dilihat relevan, kita kena ukur diri kita sendiri sama ada anda layak berada di situ dan kalau sebut pasal umur, ia sangat subjektif.

Beliau berkata setiap Umno Bahagian seharusnya mewujudkan program pemimpin pelapis bagi memastikan kesinambungan perjuangan parti.

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=974962>